

PAS Terengganu bertarung di 10 kerusi
Malaysiakini.com
Mar 07, 2008
Fathi Aris Omar

Di seberang sungai Terengganu, berdepan Masjid Kristal yang dijadikan bahan kempen BN dan PAS, Datuk Seri Najib Razak merasmikan acara pecah tanah sebuah masjid di Bukit Tunggal bersama Menteri Besar Datuk Idris Jusoh kelmarin.

Sebelumnya kedua-dua pemimpin kanan BN itu berada di majlis perasmian Infodesa di Alor Limbat, Marang.

terengganu 070308 bn flagsBukit Tunggal dan Alor Limbat, walaupun dimenangi BN pada 2004, menjadi dua kerusi sasaran untuk dirampas PAS.

Alor Limbat, bawah parlimen Marang, ditandingi pesuruhjaya PAS Terengganu Datuk Mustafa Ali. Kerusi parlimen ini pula ditandingi oleh presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Kerusi negeri ini dimenangi penyandang Alias Abdullah (BN) dengan majoriti 1,153 undi. Mustafa yang pernah bertanding di kerusi DUN bersebelahan, juga bawah parlimen Marang, kalah dengan 1,371 undi di Pengkalan Berangan.

Pada 2004, PAS hanya menang kerusi Rhu Rendang, satu daripada empat DUN, dengan majoriti 1,435 undi. Sementara satu lagi kerusi, Bukit Payong, PAS tewas dengan majoriti lebih kecil, 720 undi.

PAS cuba sedaya upaya merampas Marang, apatah lagi apabila muncul masalah dalam Umno akibat pengguguran penyandang kerusi itu Datuk Abdul Rahman Bakar, ketua bahagian dan Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Atas faktor sama, Bukit Payung juga menjadi tidak stabil apabila penyandanginya, yang juga exco kerajaan negeri, Dr Abdul Latif Awang diketepikan.

Selain parlimen ini, kubu-kubu utama DUN PAS semuanya di kawasan pinggir bandar - tiga bawah parlimen Kuala Nerus, dua (Kuala Terengganu) dan satu (Hulu Terengganu).

giant flag pas010308Bukit Tunggal yang menjadi sasaran kempen BN berprofil tinggi kelmarin terletak bawah Kuala Nerus. Kempen ini memberi isyarat BN dalam keadaan tidak stabil apabila menang hanya 616 undi pada pilihanraya umum lalu.

Projek pembangunan pesat seperti Masjid Kristal dan Monsoon Cup, di Pulau Duyong, benar-benar melibatkan pengundi di kawasan ini.

Jika pengundi Melayu di sini rasa tidak selesa dengan projek-projek tersebut, termasuk pemindahan penduduk demi memajukan lagi kawasan tersebut, maka undi protes akan memenangkan calon lama PAS Dr Alias Razak.

Apatah lagi penyandanginya Mohd Nasir Ibrahim Fikri, anak bekas Menteri Besar, kini dipindahkan untuk bertanding di peringkat parlimen.

Dua lagi DUN di parlimen ini menjadi sasaran PAS -- Tepuh dan Teluk Pasu tewas di tangan

BN masing-masing dengan majoriti 774 dan 884 undi.

Sebagai perbandingan dengan 1999, PAS menang di Bukit Tunggal dengan majoriti 1,942 undi, Tepuh (3,057) dan Teluk Pasu (2,570). Satu lagi kerusi di parlimen ini - Seberang Takir - memang kubu kuat BN. Pada 1999, kubu ini berjaya dipertahankan dengan 557 undi.

Bersebelahan Tepuh arah selatan, kerusi DUN Manir sentiasa menjadi kubu kuat PAS. Kerusi bawah parlimen Hulu Terengganu ini disandang Datuk Dr Harun Taib, bekas ketua Dewan Ulama, dengan majoriti 310 undi.

maimun yusof independent candidate terengganu story 270208 house
Inilah satu-satunya kerusi DUN dalam parlimen ini yang boleh ditembusi pembangkang. Tiga lagi kerusi negeri kecuali Kuala Berang menjadi kubu Umno dan dikuasai BN dengan majoriti lebih 3,000 undi. PAS tewas di Kuala Berang dengan 1,695 undi.

Di selatan Manir, satu lagi kubu utama PAS - DUN Wakaf Mempelam yang dipegang sejak beberapa pilihanraya umum lalu lagi. Pada 2004, kerusi ini disandang Mohd Abdul Wahid Endut dengan majoriti 1,888 undi.

Kerusi ini, bersama Batu Buruk, penyumbang utama undi parlimen Kuala Terengganu - PAS, yang tewas 1,933 undi, kini mempertaruhkan naib presidennya Mohamad Sabu, yang dianggap calon luar.

Malaysia kini difahamkan PAS perlu memastikan Batu Buruk mendapat majoriti lebih 2,000 undi (PAS menang 140 undi pada 2004) pada 8 Mac ini bagi membolehkannya merampas Kuala Terengganu.

Ladang, satu lagi kerusi negeri yang dikuasai BN dengan majoriti 1,041 undi, menyaksikan persaingan sengit antara exco negeri (BN) Datuk Wan Hisham Wan Salleh dengan calon PAS, bekas pegawai kewangan negeri berpengaruh, Datuk Engku Hassan Engku Omar.

Kerusi-kerusi parlimen Marang dan Kuala Terengganu menjadi sasaran utama kedua-dua parti bertanding.

Bagi PAS, selain Kuala Nerus, dua lagi kerusi parlimen taruhannya Dungun dan Setiu. PAS tewas di Dungun dengan majoriti 4,896 undi tetapi dua kerusi DUN bawahnya, khususnya Sura, bersaing sengit. Sura dimenangi BN dengan 169 undi, manakala Rantau Abang (945 undi).

Di Setiu, lubuk PAS hanya di dua DUN, Jabi (tewas 1,100 undi) dan Batu Rakit (tewas 1,702).

Menurut analisis PAS terkini, parti itu boleh menang di 17 kerusi DUN, cukup memerintah dengan majoriti kecil daripada 32 kerusi negeri.

Namun prestasi parti pembangkang ini sejak pilihanraya 1990 tidak lebih baik daripada 10 kerusi tradisinya - empat yang disandanginya kini dan enam lagi kerusi yang parti itu tewas dengan majoriti bawah 1,000 undi.

Jika menang 10 kerusi DUN ini, PAS berpeluang menambah sehingga tiga atau empat parlimen.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/79368>